

**Panel khas: PAS dakwa Najib hina Parlimen
Bernama
22 Ogos, 2011
Oleh Shazwan Mustafa Kamal**

KUALA LUMPUR, 22 Ogos — PAS menuduh Datuk Seri Najib Razak menghina Parlimen dengan tidak menghormati terma dan syarat jawatankuasa pilihan khas Parlimen yang dibentuk untuk membincangkan isu-isu berkaitan pilihan raya.

Naib Presidennya Datuk Mahfuz Omar berkata Perdana Menteri secara terang-terang telah menghina Parlimen apabila mengatakan bahawa pilihan raya umum boleh diadakan bila-bila masa meskipun jawatankuasa pilihan khas bersidang.

“Jika mereka (BN) membentuk jawatankuasa itu, yang mana ia sebahagian daripada Parlimen, mereka seharusnya melaksanakannya sehingga selesai kerana ia satu penghormatan dalam proses Parlimen. Jika tidak, mengapa perlu melakukannya,” katanya.

Jumaat lalu, Najib mengatakan pilihan raya umum ke-13 boleh diadakan bila-bila masa dan tidak akan bergantung pada prosiding jawatankuasa pilihan khas Parlimen.

Bersih 2.0 sebelum ini berkata jawatankuasa pilihan khas Parlimen tidak akan bermakna sekiranya pilihan raya umum ke-13 diadakan sebelum pembaharuan sistem pilihan raya dilakukan.

Najib bagaimanapun meminta pihak-pihak yang mempertikaikan jawatankuasa pilihan khas Parlimen mengenai pembaharuan sistem pilihan raya agar tidak meragui keikhlasan kerajaan meskipun kemungkinan pilihan raya umum ke-13 diadakan lebih awal.

Beliau berkata pentadbirannya komited mahu melakukan reformasi pilihan raya.

Selain Najib, Mahfuz juga menuduh Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Nazri Aziz bertindak “di luar batasan” dengan menentukan keanggotaan jawatankuasa pilihan khas Parlimen itu sebelum bersidang.

“Hanya Parlimen boleh menentukan perkara ini,” kata Ahli Parlimen Pokok Sena ini.

Pakatan Rakyat akan memutuskan pendirian sama ada mahu menyertai jawatankuasa itu Rabu ini, dengan beberapa pemimpin utama berkata kemungkinan akan memulaukan jawatankuasa itu jika tidak memenuhi syarat perikatan tersebut.

Nazri pada Jumaat lalu berkata menteri BN akan mempengerusikan jawatankuasa itu walaupun dibantah Pakatan Rakyat.

Beliau berkata jawatankuasa itu terdiri daripada sembilan anggota — lima daripada BN, tiga Pakatan Rakyat dan satu Bebas.

The Malaysian Insider
Hakcipta© 2011 The Malaysian Insider
Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/panel-khas-pas-dakwa-najib-hina-parlimen/>